



**KENYATAAN SEBUTHARGA
JABATAN TANAH DAN UKUR SABAH
NO. SEBUTHARGA JTU 73/2025(RECALL)**

SEBUTHARGA ADALAH DIPELAWA DARIPADA PEMBEKAL-PEMBEKAL TEMPATAN YANG BERDAFTAR DENGAN PUSAT PENDAFTARAN KONTRAKTOR KERJA, BEKALAN DAN PERKHIDMATAN NEGERI SABAH (PUKONSA) ANTARA KOD **220302 KAWALAN KESELAMATAN (PERLU LESEN KDN)** YANG BERKENAAN BAGI SEBUTHARGA BERIKUT: -

**SEBUTHARGA NO JTU 73/2025(RECALL)
PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN DI BANGUNAN WISMA
TANAH DAN UKUR DAN PEJABAT UNIT HAL EHWAL ANAK NEGERI SABAH (PANTAS) KOTA KINABALU**

1. BORANG SEBUTHARGA, SYARAT-SYARAT DAN SPESIFIKASI AKAN DIJUAL SECARA ONLINE MELALUI JTU E-COMMERCE DI WWW.JTU.SABAH.GOV.MY (GATEWAY TO JTU E-SERVICE) MULAI TARIKH **10 DISEMBER 2025 SEHINGGA 16 DISEMBER 2025** SECARA ONLINE SAHAJA. BORANG SEBUTHARGA TIDAK AKAN DIJUAL SELEPAS TEMPOH DINYATAKAN.
2. PEMBEKAL YANG INGIN MENYERTAI SEBUTHARGA DI ATAS ADALAH DIKEHENDAKI MENYEDIAKAN RESIT CETAKAN SABAH PAY BERNILAI RM 20.00 SEBAGAI BUKTI BAYARAN BORANG SEBUTHARGA.
3. PEMBELIAN BORANG SEBUTHARGA SECARA ONLINE ADALAH HANYA KEPADA PEMBEKAL. UNTUK MAKSUD INI, PIHAK PEMBEKAL HENDAKLAH MENDAFTAR KE SISTEM **E-COMMERCE** (SEKALI SAHAJA) SERTA MEMASUKKAN KOD BIDANG BEKALAN/PERKHIDMATAN PUKONSA DAN TARIKH TEMPOH SAH SIJIL PENDAFTARAN PUKONSA DI DALAM SISTEM **E-COMMERCE**. SALINAN SIJIL PENDAFTARAN ASAL PUSAT PENDAFTARAN KONTRAKTOR KERJA, BEKALAN DAN PERKHIDMATAN NEGERI SABAH (PUKONSA) HENDAKLAH DIMASUKKAN KE DALAM SISTEM (FORMAT PDF).
4. BORANG SEBUTHARGA YANG TELAH LENGKAP DIISI HENDAKLAH DIMASUKKAN KE DALAM SAMPUL SURAT YANG BERLAKRI (SEALED ENVELOPE) DAN DITULIS PADA RUANGAN DI ATAS DENGAN BUTIRAN SEPERTI BERIKUT: -

**SEBUTHARGA NO JTU 73/2025(RECALL)
PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN DI BANGUNAN WISMA
TANAH DAN UKUR DAN PEJABAT UNIT HAL EHWAL ANAK NEGERI SABAH (PANTAS) KOTA KINABALU**

DAN DIALAMATKAN KEPADA: -

**SETIAUSAHA
JAWATANKUASA SEBUTHARGA
JABATAN TANAH DAN UKUR
KOTA KINABALU**

5. BORANG SEBUTHARGA HENDAKLAH DIHANTAR DAN DIMASUKKAN TERUS KE DALAM PETI SEBUTHARGA (QUOTATION BOX) DI TINGKAT BAWAH, WISMA TANAH DAN UKUR, KOTA KINABALU SEBELUM PUKUL **10.00 PAGI 17 DISEMBER 2025**.
6. BORANG SEBUTHARGA YANG LEWAT DITERIMA PADA WAKTU YANG DITETAPKAN DI ATAS AKAN DITOLAK.
7. KERAJAAN TIDAK TERIKAT UNTUK TAWARAN TERENDAH ATAU MANA-MANA TAWARAN.

PENGARAH
JABATAN TANAH DAN UKUR
WISMA TANAH DAN UKUR
JALAN PERWIRA,
88200 KOTA KINABALU